

30 NOV 1999

P/Raya-Reaksi

KEMENANGAN BN DI SELANGOR SATU PENGIKTIRAFAN

SHAH ALAM, 30 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar pagi ini menyifatkan kemenangan cemerlang Barisan Nasional (BN) sebagai satu sokongan berterusan dan pengiktirafan kepada BN di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya harap dengan kemenangan baik dan cemerlang ini, kita akan berupaya untuk terus majukan Negeri Selangor," katanya.

Abu Hassan berkata dengan kemenangan ini akan memudahkan lagi matlamat kerajaan negeri bagi menjadi negeri industri pada 2005.

Beliau turut mengucapkan terimakasih kepada semua jentera pilihanraya BN dan parti-parti komponen di atas kerja keras selama ini.

"Saya percaya ini satu keputusan yang tepat sekali sebagai satu sokongan berterusan dan endorsement kepada BN di bawah kepimpinana Perdana Menteri," katanya.

Abu Hassan berkata BN Selangor akan membuat post-mortem untuk mengetahui punca kekalahan BN di enam kawasan ADUN iaitu di Sungai Burung, Sungai Besar, Kajang, Gombak Setia, Hulu Klang dan Bandar Klang tidak lama lagi.

Pada pilihan raya 1995 BN hanya kalah di DUN Bukit Gasing, Damansara Utama dan Bandar Klang.

Beliau berkata dua dari kawasan DUN itu berjaya dirampas oleh BN pada pilihan raya kali ini.

Sementara itu Abu Hassan berkata banyak perkara perlu dilakukan pada bulan Disember ini termasuk penubuhan kerajaan negeri, pembentukan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco), majlis angkat sumpah dan pembentangan belanjawan.

Katanya Belanjawan Negeri untuk tahun 2000 dijangka dibentangkan pada hujung bulan depan.

-- BERNAMA

TM NMO